

**KEBOLEHTERIMAAN RAKAMAN AUDIO DAN VIDEO SEBAGAI KETERANGAN DI
MAHKAMAH SYARIAH DAN SIVIL DI MALAYSIA: ANALISIS PERUNDANGAN
PERBANDINGAN**

***THE ADMISSIBILITY OF AUDIO AND VIDEO RECORDINGS AS EVIDENCE IN THE
SHARIAH AND CIVIL COURTS IN MALAYSIA: A COMPARATIVE LEGAL ANALYSIS***

^{i.} Malai Nurfarhanah Ilyana binti Malai Hashim, ^{ii.} Siti Zaidah binti Zakaria, ^{iii.} Suhaizad bin Saifuddin

^{i,ii.} Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^{iii.} Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: ilyanafarhanah12@gmail.com

ABSTRACT

The acceptance of audio and video recordings as evidence in the proceedings of Malaysia's Syariah and Civil Courts reflects a significant development parallel to the advancement of digital technology. Multimedia-based evidence now plays a crucial role in strengthening factual claims; however, it also raises concerns regarding authenticity, reliability, and the procedural validity of proof within the legal framework. This study examines the legal issues and implications surrounding the admissibility of audio and video recordings as evidence, with particular emphasis on their application in the Syariah Courts. Adopting a qualitative document analysis approach, the study compares relevant legal provisions, judicial decisions, and scholarly perspectives from both Syariah and civil law viewpoints. The findings indicate that while the Civil Courts provide specific mechanisms under Sections 90A to 90C of the Evidence Act 1950, the Syariah Courts continue to rely on broader interpretations under the Syariah Court Evidence Enactment (Sabah) 2004. This disparity presents challenges in terms of digital evidence authentication and the need for technical expertise in handling such materials. The study further highlights the importance of digital forensic experts in evaluating technology-based evidence to prevent judicial decisions from being compromised by digital manipulation or technical deficiencies. Consequently, this paper recommends improvements through the establishment of technical verification guidelines, digital competency training for judicial officers, and harmonisation of legal frameworks between the civil and Syariah court systems. The implications of this study are expected to strengthen the integrity of the legal system and uphold the principles of Islamic justice in the digital era.

Keywords: *Digital Evidence, Audio and Video Recordings, Authenticity, Reliability, Evidence Law*

ABSTRAK

Penerimaan keterangan berbentuk rakaman audio dan video dalam prosiding Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia menunjukkan perkembangan signifikan seiring kemajuan teknologi digital. Bukti berasaskan multimedia kini memainkan peranan penting dalam memperkukuh fakta kes, namun menimbulkan persoalan berkaitan ketulenan, kebolehpercayaan, serta kesahihan prosedur pembuktian di sisi undang-undang. Kajian ini meneliti isu dan implikasi perundangan berhubung kebolehterimaan rakaman audio dan video sebagai bahan keterangan, dengan tumpuan khusus terhadap amalan di Mahkamah Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen kualitatif melibatkan perbandingan antara peruntukan undang-undang, keputusan kes mahkamah, serta pandangan sarjana hukum Syariah dan sivil. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun Mahkamah Sivil memperuntukkan mekanisme khusus melalui Seksyen 90A hingga 90C Akta Keterangan 1950, Mahkamah Syariah pula masih bergantung kepada tafsiran umum di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004. Perbezaan ini menimbulkan cabaran dari segi ketulenan bukti digital, dan keperluan kepakaran teknikal. Kajian ini juga menekankan kepentingan peranan pakar forensik digital dalam menilai bukti berasaskan teknologi agar keputusan kehakiman tidak terjejas oleh manipulasi digital atau kelemahan teknikal. Justeru, kajian mencadangkan penambahbaikan melalui pewujudan garis panduan pengesahan teknikal, latihan digital kepada pegawai kehakiman, serta harmonisasi perundangan antara sistem sivil dan Syariah. Implikasi kajian ini diharap dapat memperkukuh integriti sistem perundangan dan memastikan keadilan Islam terpelihara dalam era digital.

Kata kunci: *Keterangan Digital, Rakaman Audio dan Video, Ketulenan, Kebolehpercayaan, Undang-Undang Keterangan*

Pengenalan

Pada era kemodenan, teknologi memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan dan kini menjadi komponen teras dalam sistem kehakiman di Malaysia. Teknologi tidak lagi sekadar berfungsi sebagai alat sokongan, tetapi telah berkembang menjadi elemen strategik yang meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan keberkesanan proses perundangan. Dalam konteks perbicaraan, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil lazimnya menggunakan dokumen sebagai bahan bukti utama bagi menyokong dakwaan atau menolak hujah pihak lawan. Namun, seiring dengan kemajuan pesat teknologi maklumat, konsep “dokumen” turut mengalami transformasi yang ketara. Jika dahulu dokumen lebih merujuk kepada bahan bercetak atau tulisan tangan, kini tafsirannya telah diperluas merangkumi bentuk digital seperti rakaman audio, rakaman video, mesej elektronik, dan data yang disimpan dalam peranti digital. Perkembangan ini menunjukkan bahawa dokumen elektronik telah diiktiraf sebagai bahan bukti yang sah di sisi undang-undang dan boleh diterima di mahkamah, selaras dengan peruntukan undang-undang moden dan keperluan keadilan semasa (Wan Abdul Fattah, 2016).

Dalam konteks perundangan Islam, pembuktian menjadi unsur yang sangat penting untuk memastikan keadilan dalam setiap perbicaraan kes di Mahkamah Syariah. Menurut prinsip undang-undang keterangan Islam, keterangan yang dikemukakan di mahkamah hendaklah memenuhi syarat-syarat tertentu untuk diterima sebagai bukti yang sah. Dalam hal ini, rakaman audio dan video yang dihasilkan telah memberikan impak besar kerana ia mampu menjadi bukti visual atau lisan yang boleh menyokong keterangan dalam mahkamah. Oleh itu, rakaman audio dan video berperanan penting dalam proses perbicaraan terutama sekali dalam kes-kes yang berkaitan pertikaian keluarga seperti perceraian, pengesahan nikah, serta dalam kes-kes jenayah syariah seperti khalwat atau persetubuhan haram (Azam, 2009).

Meskipun dokumen elektronik semakin diterima dalam prosiding mahkamah, namun masih timbul persoalan mengenai prosedur dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi memastikan kebolehterimaan dokumen tersebut di Mahkamah Syariah. Ketelusan dan ketepatan dalam penyampaian bukti adalah kunci utama keadilan dapat dicapai dalam sesuatu keputusan (Mursilaili & Abd. Rani, 2020). Maka, ianya menjadi satu kepentingan untuk memahami bagaimana rakaman audio dan video boleh digunakan secara adil dan sah dalam sistem penghakiman agar keadilan dapat ditegakkan tanpa sebarang keraguan.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji serta menganalisis isu-isu perundangan yang wujud berhubung penggunaan rakaman audio dan video di Mahkamah Syariah. Kajian ini juga akan menilai kesan penggunaan bukti elektronik terhadap keadilan dan pentadbiran undang-undang, terutamanya dari segi bagaimana ia mempengaruhi keputusan mahkamah dalam kes-kes tertentu. Melalui pemahaman mendalam terhadap prosedur dan keperluan dalam menerima bukti elektronik, diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan dan keadilan dalam sistem kehakiman, serta memberikan panduan yang lebih jelas kepada pengamal undang-undang syariah dalam menangani keterangan berbentuk elektronik khususnya rakaman audio dan video.

Kajian ini membawa dimensi baharu dengan mengintegrasikan analisis fiqhiyyah dan forensik digital dalam menilai kebolehterimaan rakaman audio dan video sebagai keterangan di Mahkamah Malaysia yang mana tidak banyak dilakukan oleh kajian lepas.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen sebagai teknik utama. Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuk undang-undang Malaysia seperti Akta Keterangan 1950 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, keputusan mahkamah terkini berkaitan penerimaan rakaman audio dan video sebagai keterangan, serta literatur akademik dan fiqhiyyah yang relevan. Analisis dokumen dijalankan untuk mengenal pasti isu-isu perundangan, prinsip fiqhiyyah yang menyokong penerimaan serta cabaran praktikal dalam penggunaan keterangan rakaman audio dan video dalam sistem kehakiman Malaysia. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai aspek perundangan dan syariah secara mendalam dan menyeluruh berdasarkan bahan dokumen yang dianalisis. Pendekatan analisis dokumen dipilih kerana ia sesuai untuk menyelidik serta memahami sumber-sumber rasmi dan akademik yang berkaitan dengan topik kajian secara kritikal dan sistematik. Dengan menggunakan analisis kandungan, kajian dapat mengesan tema dan corak utama yang membentuk isu kajian serta memastikan ketelusan dan kesahihan data yang dikaji.

Sorotan Literatur

Konsep Keterangan Menurut Perspektif Islam

Dalam undang-undang Islam, keterangan atau *al-bayyinah* adalah alat bukti yang digunakan untuk mengesahkan suatu kenyataan atau peristiwa dalam rangkaian hukum syarak yang menekankan keadilan dalam penyampaian maklumat. Dalam sistem pembuktian ini, keterangan boleh dibahagikan kepada empat jenis utama, iaitu *iqrar*, yang bermaksud pengakuan atau pengesahan secara sukarela oleh pihak yang terlibat; *syahadah*, merujuk kepada kesaksian lisan daripada individu yang memiliki kredibiliti dan integriti; *bayyinah*, bukti nyata dan jelas seperti dokumen atau benda yang tidak boleh disangkal; dan *qarinah*, iaitu petunjuk tambahan yang menyokong keterangan lain untuk memperkukuh suatu kenyataan contohnya alat audio dan visual (Mahmud Saedon, 1990; Zulkifli Hasan, 2011).

Umumnya, keterangan memainkan peranan penting dalam sistem pembuktian Islam, yang mana ia digunakan untuk mengesahkan fakta dan tuntutan dalam pertikaian. Undang-undang keterangan Islam di Malaysia dibentuk melalui proses perundangan yang unik, menggabungkan prinsip *fiqh al-ithbat* (pembuktian Islam) dengan struktur perundangan moden seperti Akta Keterangan 1950. Pendekatan ini memastikan keharmonian antara prinsip tradisional Islam dan keperluan kontemporari, dengan objektif utama memastikan keterangan yang dikemukakan adalah sah, berautoriti, dan adil (Suhaizad, Mohd Zamre, Fatimah Yusro, Pg Ismail Pg Musa & Abdul Jamil, 2025). Kepentingan keterangan turut digariskan dalam peranan Undang-undang Keterangan yang bertujuan menyeragamkan tatacara penerimaan bukti, mengurangkan kekeliruan prosedur, serta menjamin keadilan kepada pihak yang terlibat. Pembuktian yang kukuh membantu hakim menentukan kesalahan atau tidak bersalahnya seseorang tertuduh berdasarkan tahap keyakinan dan kebenaran fakta yang disampaikan. Tanpa kerangka pembuktian yang jelas, keputusan mahkamah berisiko dipengaruhi oleh andaian atau bukti tidak sah, sekali gus menjejaskan kredibiliti sistem kehakiman Syariah (Suhaizad, Fatimah Yusro,

Mohd Zamre & Asma Hakimah, 2025). Dalam konteks keterangan digital, rakaman audio dan video kini telah diiktiraf sebagai bentuk dokumen elektronik yang boleh berfungsi sebagai *bayyinah* apabila ia menunjukkan bukti yang jelas dan sebagai *qarinah* apabila ia menyokong keterangan lain (Wan Abdul Fattah, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin, 2018). Pendekatan ulama klasik lebih menekankan penggunaan *syahadah* dan *iqrar* serta cenderung lebih berhati-hati terhadap keterangan rakaman audio dan video atas faktor kemungkinan pemalsuan. Sementara itu, ulama kontemporari bersikap lebih fleksibel dan menerima penggunaan teknologi moden, selagi mana bukti tersebut memenuhi syarat keaslian dan keterkaitan dengan kebenaran (Azhan Yahya, Azam Mohd Shariff & Mohd Abu Hassan, 2021).

Pengiktirafan Keterangan Rakaman Audio dan Video Menurut Perspektif Islam

Dalam sistem perundangan Syariah Malaysia, pendapat pakar atau *al-ra'yu al-khabir* merujuk kepada keterangan atau pandangan yang diberikan oleh individu yang memiliki kepakaran khusus dalam sesuatu bidang. Pendapat ini merupakan elemen penting dalam proses penilaian bukti, terutama bagi rakaman audio dan video yang memerlukan pengesahan ketulenan dan kebolehpercayaan. Mahkamah akan mendapatkan pandangan pakar dalam bidang teknikal dan forensik digital bagi memastikan bukti tersebut memenuhi piawaian undang-undang dan syariah sebelum diterima sebagai keterangan yang sah. Pendekatan ini diperuntukkan secara khusus dalam Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, yang mengiktiraf peranan pendapat pakar dalam penghakiman kes (Wan Abdul Fattah, 2016). Oleh itu, penggunaan rakaman audio dan video dalam perbicaraan mahkamah Syariah menjadi lebih berwibawa apabila disokong oleh pendapat pakar yang kompeten, sekali gus mengukuhkan asas keadilan dan ketelusan dalam sistem kehakiman Islam (Al-Zuhaili, 2004). Allah berfirman dalam Surah An-Nahl, 16:43:

وما أرسلنا من قبلك إلا رجالا نوحي إليهم فاسألوا أهل الذكر إن كنتم لا تعلمون

Maksudnya: “Dan kami tidak mengutus rasul-rasul sebelum kamu (Muhammad), melainkan daripada kalangan orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu, bertanyalah kamu kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui.”

Ayat ini dengan jelas menegaskan kepentingan merujuk kepada orang yang berilmu dan pakar dalam sesuatu perkara yang tidak diketahui selaras dengan amalan mahkamah yang mendapatkan pandangan pakar sebelum membuat keputusan berdasarkan keterangan rakaman audio dan video.

Menurut pandangan ulama seperti sebahagian ulama Ibn Taimiyyah, Ibn al-Qayyim dan Ibn Farhun, *qarinah* merupakan salah satu bentuk pembuktian yang diiktiraf dalam hukum Islam (Jama'ah min 'Ulama al-Tafsir, 1436H, al-Amir, 2011). Rasulullah pernah menggunakan *qarinah* untuk menentukan kes seperti dalam kes tuduhan di mana Rasulullah menahan seseorang kerana disyaki melakukan kesalahan apabila terdapat *amarat al-raybah* (tanda-tanda mencurigakan) yang kuat. Hal ini menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf penggunaan *qarinah* dalam proses kehakiman asalkan ianya kukuh dan tidak meragukan. Dalam konteks kontemporari, rakaman audio dan video boleh dianggap sebagai *qarinah* moden yang mampu membantu Qadhi membuat sesuatu keputusan di Mahkamah Syariah. Perkara ini selaras dengan *prinsip al-bayyinah 'ala al-mudda'i wal-yamin 'ala al-mudda' alaihi* (Ibn al-Qayyim, 2002; Abdelrahman Mohamed, 2022).

Dari perspektif fiqhiyyah, kaedah seperti *المصلحة العامة تقدم على المصلحة الخاصة* yang bermaksud kepentingan umum didahulukan berbanding kepentingan individu. Kaedah ini menggariskan bahawa penerimaan dan penggunaan rekod digital sebagai keterangan adalah demi memastikan keadilan dan ketelusan sistem kehakiman yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan. Di samping itu, kaedah *تصرف الإمام على الراعية منوط بالمصلحة* menegaskan bahawa tindakan pihak berkuasa, dalam hal ini mahkamah, harus berasaskan kepentingan dan kemaslahatan rakyat. Maka, mahkamah perlu menerima dan mengendalikan keterangan rakaman audio dan video dengan berhati-hati agar dapat memenuhi tujuan keadilan dan menjaga kepentingan umum dalam pengurusan kes. Gabungan kaedah ini memberikan justifikasi fiqhiyyah untuk mengiktiraf dokumen digital, termasuk rakaman audio dan

video, sebagai alat pembuktian yang sah, sejajar dengan prinsip syariah dan perundangan yang berkuatkuasa di Malaysia (Che Musa, 2012).

Perbincangan dan Dapatan

Kebolehterimaan Keterangan Digital dalam Sistem Perundangan Malaysia

Di Malaysia, penerimaan keterangan digital telah diperkuatkan melalui beberapa peruntukan undang-undang. Akta Keterangan 1950 menyediakan asas tafsiran bagi keterangan dokumen, manakala Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 telahpun mengiktiraf dokumen elektronik, termasuk rakaman audio dan video, sebagai keterangan yang sah dalam perbicaraan. Peruntukan ini membolehkan keterangan rakaman audio dan video diterima dalam kes-kes jenayah dan mal syariah, selaras dengan prinsip syarak dan keperluan semasa untuk mengadaptasi teknologi moden dalam sistem perundangan (Wan Abdul Fattah, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin, 2018) .

Tuntasnya, kajian mendapati bahawa walaupun rakaman audio dan video semakin diterima di mahkamah Malaysia, terdapat cabaran utama seperti ketulenan bukti, risiko manipulasi digital, dan kekurangan pakar forensik digital. Mahkamah Sivil lebih fleksibel dalam menerima keterangan rakaman audio dan video, manakala Mahkamah Syariah mengamalkan pendekatan lebih berhati-hati mengikut prinsip syariah. Selain itu, isu privasi dan perlindungan data juga menjadi perhatian penting, khususnya dengan kemajuan teknologi seperti *Artificial Intelligence (AI)* dan *deepfake*. Oleh itu, kajian ini menegaskan keperluan terhadap garis panduan (SOP) jelas serta pendekatan integrasi antara aspek teknikal, undang-undang, dan prinsip fiqh bagi memastikan keadilan dan keberkesanan dalam pengurusan keterangan rakaman audio dan video di mahkamah Malaysia (Wan Abdul Fattah, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Nurul Syazwani Kahar & Mohamad Aniq Alias, 2023).

Walaupun begitu, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil mempunyai matlamat murni yang sama dalam skop penghakiman. Meskipun terdapat perbezaan dari segi prosedur penentuan kesahihan dokumen elektronik tersebut, namun keadilan adalah tunjang utama dari sekian tujuan.

Hal ini telah jelas terbukti dalam kes *Ajmawati Atan lwn Moriazi Mohamad (2005) 1 CLJ (SYA) 54*, kes ini berkaitan keterangan elektronik yang dikemukakan pada peringkat awal tidak jelas menyebabkan mahkamah memerintahkan untuk kes dibicarakan semula dengan mengemukakan saksi sokongan. Akhirnya, keterangan tersebut diterima oleh Mahkamah dengan sokongan daripada keterangan pakar yang membantu Mahkamah menilai kredibiliti dokumen elektronik tersebut (Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah, Ahmad Syukran Baharuddin & Muzaffar Syah Mallow, 2024).

Dalam penerimaan rakaman audio dan video sebagai keterangan, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dikawal oleh statut yang berbeza di mana Mahkamah Syariah Sabah khususnya merujuk kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004. Manakala Mahkamah Sivil dikawal oleh Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

Pemakaian Rakaman Audio dan Video Sebagai Keterangan di Mahkamah Sivil

Berdasarkan Seksyen 90A hingga 90C Akta Keterangan 1950 (Akta 56), dokumen digital yang dihasilkan melalui komputer boleh diterima sebagai bukti sah di mahkamah sivil. Keabsahan dan ketulenan dokumen elektronik sering disokong melalui keterangan pakar sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 5 hingga 55 akta sama. Ahli pakar forensik digital memainkan peranan penting dalam mengesahkan kesahihan bahan bukti contohnya rakaman CCTV atau fail digital bagi memastikan integriti data tidak dipersoalkan (Ramalinggam Rajamanickam, 2017; Ahmad Azam Mohd Shariff, 2009) Hakim kemudiannya menilai kekuatan dan kerelevanan bukti tersebut berdasarkan analisis pakar sebelum ia diterima sebagai bukti keterangan dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah (Isma & Koyimatun, 2014; Adjomi, 2020).

Penerimaan bukti elektronik di mahkamah sivil menunjukkan anjakan paradigma dalam sistem pembuktian moden. Revolusi pemprosesan data digital bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat, malah memperkukuh kredibiliti dokumen elektronik sebagai bukti dokumentari (Sa'di, 2020). Pelbagai bentuk dokumen digital seperti gambar, fail audio dan video kini digunakan secara meluas untuk menunjukkan kebenaran suatu peristiwa atau tindakan. Walau bagaimanapun, seperti yang ditegaskan oleh Buckland (1998) dan Shaw (2000), setiap teknologi mempunyai keupayaan dan batasan tersendiri. Justeru, kefahaman terhadap sifat dan konteks teknikal sesuatu dokumen amat penting bagi memastikan tahap kebolehterimaan dan kebolehpercayaan bukti elektronik sentiasa terpelihara dalam sistem keadilan Malaysia. Dokumen elektronik mempunyai peruntukan perundangan khusus dalam aspek penerimaan dokumen elektronik sebagai bukti di Mahkamah Sivil.

Jadual 1. Peruntukan Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang Membenarkan Penerimaan Dokumen Elektronik sebagai Bukti di Mahkamah Sivil (Wan Abdul Fattah, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Nurul Syazwani Kahar & Mohamad Aniq Alias, 2023).

Akta Keterangan 1950 (Akta 56)		
No.	Seksyen	Penerangan
1	Seksyen 3	Menjelaskan takrif atau definisi “komputer”.
2	Seksyen 90A	Menjelaskan jenis-jenis dokumen boleh diterima di mahkamah jika komputer berfungsi dengan baik dan disahkan oleh orang yang mengendalikan sistem tersebut.
3	Seksyen 90B	Menjelaskan tujuan dan cara pengeluaran sesuatu dokumen untuk dijadikan sebagai bukti di mahkamah.
4	Seksyen 90C	Menjelaskan semua dokumen yang dikemukakan di mahkamah mempunyai kuasa penuh dan tiada apa yang dapat menyangkalnya sebagai bukti di mahkamah.
5	Seksyen 45	Menjelaskan peranan keterangan pakar dalam menentukan sesuatu dokumen yang dikemukakan di mahkamah.

Berdasarkan Jadual 1, Seksyen 3 dalam Akta Keterangan 1950 (Akta 56) mendefinisikan frasa komputer seperti berikut:

apa-apa peranti bagi merekod, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau perkara lain, atau bagi melaksanakan mana-mana fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam

satu kombinasi atau berturutan atau walau bagaimanapun selainnya disatukan, komputer itu hendaklah dikira sebagai komputer tunggal.

Menurut Ani Munirah (2019), dalam Akta Keterangan 1950 (Akta 56) Seksyen 90A menetapkan bahawa dokumen digital atau cetakan komputer boleh diterima sebagai bukti di mahkamah sekiranya ia dihasilkan melalui penggunaan biasa komputer yang beroperasi dengan baik serta disahkan oleh individu yang bertanggungjawab terhadap sistem tersebut. Subseksyen 90A(1) hingga (7) pula memperincikan keperluan teknikal dan prosedur pengesahan yang mesti dipenuhi. Antaranya termasuklah bahawa dokumen digital dianggap sebagai bukti fakta sekiranya dihasilkan semasa operasi normal komputer; sijil pengesahan boleh dikeluarkan oleh pengendali sistem; sijil tersebut berfungsi sebagai bukti prima facie tanpa memerlukan saksi tambahan; dan dokumen dianggap sah jika dihasilkan dalam keadaan komputer beroperasi dengan baik. Selain itu, dokumen tetap dianggap dikeluarkan oleh komputer walaupun terdapat campur tangan manusia yang minimum, dan dokumen yang dihasilkan semasa penyiasatan atau prosiding boleh diterima jika dikeluarkan melalui operasi biasa. Subseksyen terakhir memperuntukkan bahawa individu yang mengendalikan komputer tidak boleh dipertanggungjawabkan atas kesalahan jenayah hanya kerana pengeluaran dokumen tersebut.

Seterusnya, Seksyen 90B dalam Akta Keterangan 1950 (Akta 56) menjelaskan bahawa tafsiran terhadap makna dan keadaan sesuatu dokumen digital perlu dinilai berdasarkan bukti logik dan fakta yang relevan bagi membuktikan ketulenannya di mahkamah. Manakala Seksyen 90C dalam akta yang sama menjelaskan bahawa:

Peruntukan Seksyen 90A dan Seksyen 90B hendaklah mengatasi dan mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau bagaimanapun apa-apa jua yang tidak selaras dengannya, atau berlawanan dengannya, yang terkandung dalam mana-mana peruntukan lain.

Manakala Seksyen 45 dalam Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan seperti berikut:

(1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, ialah fakta berkaitan.

Dalam kes *Ahmad Najib bin Aris lwn Pendakwa Raya [2009] 4 AMR 473*, mahkamah menolak gambar daripada rakaman CCTV kerana tiada sijil di bawah Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 dikemukakan dan menegaskan bahawa rakaman hanya boleh diterima jika sahih, tidak diubah serta dihasilkan dengan peralatan yang berfungsi baik (Ismail Ariffin, Gulam Ismail & Adila, 2024). Dalam kes *Tan Chow Cheang lwn Pendakwa Raya [2018] 6 CLJ 452* pula, mahkamah turut menolak bukti CCTV kerana kebolehpercayaannya diragui dan menegaskan bahawa saksi perlu memberi keterangan lisan bagi mengesahkan rakaman. Keputusan hakim mahkamah selaras dengan keperluan mahkamah sivil yang menuntut pengesahan pakar terhadap bukti digital (Wan Abdul Fattah, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Nurul Syazwani Kahar & Mohamad Aniq Alias, 2023).

Oleh hal demikian, berdasarkan Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dan kes-kes di atas, penulis mendapati bahawa asas penerimaan bukti elektronik di mahkamah sivil menitikberatkan terhadap elemen ketulenan, kebolehpercayaan, dan kebolehcapaian. Ketiga-tiga elemen ini memastikan rakaman audio dan video yang dikemukakan sebagai keterangan adalah sahih, dihasilkan secara beretika, serta boleh diakses dan disahkan tanpa keraguan. Ianya pula berbeza dengan Mahkamah Syariah yang masih bergantung kepada tafsiran umum di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004.

Jadual 2. Perbandingan Pemakaian Rakaman Audio dan Video di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Aspek	Mahkamah Sivil	Mahkamah Syariah
Statut	Akta Keterangan 1950 (Akta 56)	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004
Asas Penerimaan	Ketulenan, kebolehppercayaan serta sijil pengesahan komputer dan pakar forensik diperlukan.	Kesahihan dan tidak bercanggah dengan prinsip syarak.

Berdasarkan Jadual 2, perbandingan menunjukkan bahawa penerimaan rakaman audio dan video di Mahkamah Sivil lebih bersifat teknikal melalui pengesahan komputer yang telah dikawal oleh Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dalam Seksyen 90A sehingga 90C. Manakala Mahkamah Syariah tidak mempunyai peruntukan undang-undang khusus, ianya hanya berlandaskan tafsiran umum dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 Seksyen 3 dan Seksyen 49. Selain itu, Mahkamah Sivil menuntut ketulenan, kebolehppercayaan dan kebolehcapaian digital daripada pengesahan pakar forensik digital sedangkan Mahkamah Syariah adalah berasaskan kesahihan daripada saksi dan berpaksikan prinsip syarak.

Pemakaian Rakaman Audio dan Video Sebagai Keterangan di Mahkamah Syariah

Rakaman audio dan video adalah suatu kaedah rakaman yang dibuat untuk merekodkan suara dan imej visual yang boleh menjadi bahan bukti dalam pelbagai urusan terutama sekali dalam perbicaraan kes-kes di mahkamah. Rakaman ini boleh datang dalam bentuk audio seperti rakaman suara atau dalam bentuk video yang merakam imej pergerakan dan suara sekaligus. Pada dasarnya, rekod ini dihasilkan menggunakan peranti seperti kamera digital, telefon pintar, atau perakam suara yang mana rakaman tersebut kemudian boleh disimpan, dipindahkan, atau ditayangkan melalui pelbagai peralatan elektronik (Aniq Alias, 2023).

Acapkali rakaman audio dan video digunakan dalam mahkamah untuk menguatkan keterangan atau memberikan bukti visual dan auditori yang lebih jelas dan konkrit. Contohnya, dalam kes jenayah atau perselisihan yang melibatkan aktiviti tertentu, rakaman video melalui kamera litar tertutup (CCTV) atau rakaman audio daripada telefon pintar dapat memberikan gambaran yang lebih tepat berkenaan peristiwa yang berlaku. Rakaman ini dapat membantu mahkamah dalam memutuskan satu keputusan yang lebih berinformasi kerana ianya menunjukkan situasi yang berlaku dalam bentuk yang lebih terperinci daripada keterangan lisan semata-mata (Wan Abdul Fattah, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin, 2018).

Di Mahkamah Syariah, penggunaan rakaman audio dan video sebagai keterangan juga sudah semakin diterima pakai meskipun masih lagi terdapat perdebatan dalam kalangan sesetengah pihak berkenaan bahan bukti tersebut. Namun, secara prinsipnya, jika rekod tersebut dapat menzahirkan kebenaran dalam sesuatu kes, maka ia boleh diterima sebagai keterangan yang sah (Wan Abdul Fattah, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin, 2018). Oleh itu, rakaman audio dan video semakin diterima sebagai bahan bukti yang sah dan relevan bukan hanya dalam kes sivil, tetapi juga dalam kes-kes yang melibatkan undang-undang syariah. Ini menunjukkan bagaimana kemajuan teknologi mampu menyumbangkan pengukuhan dalam sistem keadilan dengan menyediakan bukti yang lebih objektif serta jelas. Oleh itu, kebolehterimaan dokumen elektronik dapat dirujuk dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004.

Jadual 3. Peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 yang Membenarkan Penerimaan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan di Mahkamah Syariah

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004		
No.	Seksyen	Penerangan
1	Seksyen 3	Seksyen ini menjelaskan pendefinisian “keterangan” dan “komputer” yang diterima sebagai bukti di Mahkamah Syariah. Bentuk-bentuk tersebut termasuklah rakaman audio dan video.
2	Seksyen 49	Seksyen ini menjelaskan berkenaan dokumen asal, termasuk yang dihasilkan oleh komputer, diiktiraf sebagai bukti asal di mahkamah.

Berdasarkan Jadual 3, Seksyen 3 dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 menjelaskan takrifan berkenaan “keterangan” seperti berikut:

“Keterangan” termasuklah -

(c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Seksyen 3 dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 juga turut menjelaskan frasa “komputer” seperti berikut:

“komputer” ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau perkara lain, atau bagi melaksanakan mana-mana fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau berturutan atau walau bagaimana jua pun selainnya disatukan, ia hendaklah dikira sebagai komputer tunggal.

Manakala Seksyen 49 dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 memperuntukkan seperti berikut:

*Keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan
untuk pemeriksaan Mahkamah.*

Huraian 1 - Jika sesuatu dokumen disempurnakan dalam beberapa bahagian. maka setiap bahagian itu ialah keterangan primer bagi dokumen itu.

Jika sesuatu dokumen disempurnakan dalam kaunterpart dan setiap kaunterpart itu disempurnakan oleh satu atau beberapa pihak sahaja, maka setiap kaunterpart itu ialah keterangan primer terhadap pihak yang menyempurnakannya.

Huraian 2 - Jika sebilangan dokumen kesemuanya dibuat melalui satu proses yang seragam, seperti dalam hal percetakan, litografi atau fotografi, maka setiap dokumen itu ialah keterangan

primer mengenai kandungan yang lainnya itu; tetapi jika dokumen itu adalah semuanya salinan daripada dokumen asal yang sama, maka dokumen itu bukanlah keterangan primer bagi kandungan naskah asal itu.

Huraian 3 - Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.

MISALAN

Seseorang dibuktikan telah memiliki beberapa plakad, kesemuanya dicetak sekali gus daripada satu dokumen asal. Mana-mana satu daripada plakad itu ialah keterangan primer mengenai kandungan mana-mana plakad yang lain itu, tetapi tiada satupun daripadanya menjadi keterangan primer bagi kandungan dokumen asal itu.

Dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Selangor v. Khalid Bin Abdul Samad [2019] 3 SHLR 39* yang dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah Selangor, kes ini adalah melibatkan Tertuduh, Khalid bin Abdul Samad, yang dituduh memberi ceramah tanpa tauliah di Surau Taman Seri Sementa pada tahun 2011. Ceramah itu telah dirakam oleh SP2 menggunakan kamera video, dan rakaman tersebut menjadi bukti utama dalam perbicaraan. Tertuduh sebelum ini memohon tauliah untuk mengajar pada Mei 2011, namun permohonannya telah ditolak. Untuk membuktikan kesalahan Tertuduh, pendakwa perlu menunjukkan dua elemen:

- 1) Tertuduh mengajar perkara-perkara berkaitan agama Islam.
- 2) Tertuduh mengajar tanpa tauliah.

Rakaman video yang menunjukkan Tertuduh memberi ceramah menjadi bukti penting untuk elemen pertama. Dokumen-dokumen elektronik yang telah ditandakan oleh Pendakwa dalam mahkamah antaranya adalah seperti berikut:

- i. kamera untuk merekod video: 'handycam-sony-model no HDR-XR150E' sebagai ekshibit P2;
- ii. tulisan taip rakaman video oleh SP2 sebagai ekshibit P3;
- iii. kandungan rakaman video sebagai ekshibit P5/ID5.

Walaupun peguam Tertuduh mencabar kesahihan rakaman itu dengan alasan kualitinya kabur dan tidak disertakan laporan forensik, tetapi mahkamah memutuskan untuk menerima rakaman tersebut sebagai bukti. Hal ini kerana mahkamah berpendapat bahawa rakaman tersebut telah disahkan oleh SP2 sebagai pembuatnya dan juga oleh SP4 yang mengesahkan waktu dan tempat rakaman dibuat. Maka dengan itu, mahkamah memutuskan untuk menerima rakaman video tersebut sebagai keterangan yang sah dalam perbicaraan ini.

Selain itu, dalam kes *Hisham Halim lwn. Maya Ahmad Fuaad [2018] SHRU 15*, di Mahkamah Rendah Syariah, Kuala Lumpur, kes ini berkaitan tuntutan nusyuz yang difailkan oleh Hisham Halim terhadap isterinya, Maya Ahmad Fuaad, di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Lumpur. Hisham mendakwa bahawa Maya telah meninggalkan rumah perkahwinan mereka dan tidak mahu pulang sejak tarikh tersebut. Oleh itu, Hisham memfailkan tuntutan untuk mengesahkan perbuatan tersebut sebagai nusyuz, iaitu suatu keadaan di mana isteri enggan melaksanakan kewajipan dalam perkahwinan.

Untuk menyokong dakwaannya, Maya sebagai Defendan mengemukakan beberapa bukti penting dalam bentuk rakaman audio yang dibuat dengan telefon bimbitnya. Rakaman ini merakam perbalahan antara Hisham dan Maya yang berlaku pada 18 Februari 2017. Rakaman audio itu juga telah dibuatkan transkrip perbalahan dalam bentuk tulisan. Kedua-dua bukti ini, iaitu rakaman audio (IDD1) dan transkrip perbalahan (D2), diterima oleh mahkamah setelah dipertimbangkan dan disahkan oleh saksi

pakar, iaitu seorang Juru Analisis Forensik Digital yang dari Cyber Security Malaysia. Laporan forensik mengenai ketulenan rakaman itu juga disahkan pada 12 Mac 2018 dan diterima oleh mahkamah.

Bagi dokumen transkrip (D2), ia diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dan disahkan oleh pihak Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Terjemahan ini disahkan oleh penterjemah profesional yang bekerja di institut tersebut. Maka, mahkamah juga menerima dokumen tersebut sebagai bukti yang sah. Selain itu, Hisham juga mengemukakan beberapa bukti lain termasuk rakaman video dan gambar yang menunjukkan hubungan mereka yang kelihatan mesra di Jungle Gym pada 19 Februari 2017. Bukti-bukti ini diterima oleh mahkamah sebagai pertimbangan tambahan untuk melihat gambaran keseluruhan keadaan hubungan mereka. Namun, bukti yang paling penting dalam kes ini ialah rakaman CCTV pada 20 Februari 2017 yang menunjukkan Maya meninggalkan rumah bersama dua anak mereka dan beberapa barang berharga. Rakaman CCTV ini disertakan dengan keterangan daripada saksi iaitu pengawal keselamatan di apartmen tempat mereka tinggal, yang mengesahkan bahawa dia melihat pihak-pihak yang terlibat membawa keluar barang dari rumah.

Setelah meneliti bukti-bukti yang dikemukakan, pihak mahkamah berpendapat bahawa dokumen elektronik seperti rakaman video, rakaman audio serta gambar tangkap layar boleh diterima sebagai bukti dalam sistem perundangan Syariah. Walaupun dokumen-dokumen elektronik tidak disebut dalam al-Quran atau hadis, mahkamah berpendapat bahawa ia relevan dan wajar digunakan dalam kes ini selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip syarak. Lagi pula memandangkan penggunaannya kini adalah perkara biasa dan dapat membuktikan fakta-fakta yang relevan dalam kes ini.

Isu dan Cabaran Kebolehterimaan Keterangan Rakaman Audio dan Video

Salah satu cabaran utama dalam penerimaan keterangan elektronik atau keterangan rakaman audio dan video adalah memastikan ketulenan rakaman. Manipulasi digital, seperti penyuntingan atau pengubahsuaian rakaman, boleh menjejaskan keaslian bukti. Dengan kemajuan teknologi, alat penyuntingan digital yang canggih telah memudahkan proses pengubahsuaian, yang seterusnya menimbulkan persoalan tentang integriti rakaman tersebut (Mohamad Ismail, 2006). Teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence-AI*) secara signifikan membantu prosiding mahkamah termasuk menilai keterangan yang dikemukakan. Namun, integrasi bukti AI dalam kes jenayah di Mahkamah Syariah menimbulkan pelbagai isu etika dan Syariah yang kritikal, termasuk pencerobohan privasi individu, cabaran mengekalkan keadilan dan ketelusan dalam proses pembuatan keputusan yang bersifat "kotak hitam", serta keperluan untuk menyeimbangkan manfaat teknologi dengan prinsip masalah untuk kesejahteraan umum (Zabidi, A. N., & Mohd Yusof, Z. A., 2023).

Rakaman audio dan video yang dikemukakan sebagai keterangan perlu berasal dari sumber yang boleh dipercayai. Isu perundangan muncul apabila terdapat keraguan tentang sumber rakaman contohnya, apabila bukti itu disediakan oleh pihak ketiga atau telah melalui proses penyuntingan. Kebolehpercayaan sumber sangat penting agar integriti dan keaslian keterangan tersebut tidak dipersoalkan (Wan Abdul Fattah, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin, 2018). Hal ini turut berkait rapat dengan isu kekurangan pakar forensik digital untuk menganalisis *metadata*, *hash value*, atau alat pengesanan *deepfake* di mahkamah Malaysia. *CAS v MPPL & Anor [2022] 12 MLJ 135*, merupakan contoh kes yang mana mahkamah menilai *metadata* daripada gambar dan video yang dikemukakan untuk mengesahkan kronologi kes. Plaintiff dalam kes tersebut mendakwa bahawa defendan pertama telah memadamkan gambar-gambar dan video daripada telefon dan komputer ribanya, tetapi plaintiff berjaya memulihkan semula kira-kira 85-90% daripada bukti tersebut menggunakan perisian pemulihan data. Mahkamah menerima keterangan rakaman audio dan video ini sebagai sah dan relevan kerana ia disokong oleh *metadata* dan tidak dicabar oleh defendan semasa perbicaraan. Namun, melihat kepada kepesatan teknologi kini, isu kesahihan *metadata* dikhuatiri akan timbul dan menjadi cabaran baru kepada pakar forensik digital di Malaysia.

Seterusnya, penggunaan rekod digital sebagai bukti juga menimbulkan potensi prejudis terhadap pihak tertentu. Rakaman audio dan video boleh memberi gambaran subjektif yang mana apabila ditafsirkan secara tidak adil, boleh menjejaskan prinsip keadilan dalam perbicaraan. Oleh itu, hakim perlu berhati-

hati untuk memastikan bahawa keterangan tersebut tidak membawa kepada interpretasi yang berat sebelah terhadap mana-mana pihak. Tambahan pula, Seksyen 130 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 melarang pengumpulan data pribadi secara haram contohnya membuat rakaman tanpa persetujuan subjek. Apa-apa rakaman yang dibuat tanpa izin berkemungkinan besar ditolak jika tujuan rakaman itu tidak berkaitan dengan keselamatan nasional atau pencegahan jenayah.

Tidak dinafikan, penggunaan rakaman audio dan video dalam sistem kehakiman membawa kesan yang signifikan dalam konteks undang-undang syarak. Dari sudut positif, keterangan rakaman audio dan video ini dapat membantu menyelesaikan kes-kes rumit seperti perceraian dan pertikaian harta dengan menyediakan bukti yang objektif, meningkatkan ketelusan dan memperbaiki pentadbiran keadilan. Namun seperti yang dibincangkan diatas, terdapat implikasi negatif seperti risiko penyalahgunaan teknologi melalui manipulasi atau pengubahsuaian rakaman yang boleh menjejaskan keaslian bukti serta cabaran dalam memastikan bahawa penggunaan rekod digital tidak bertentangan dengan prinsip undang-undang syarak (Elmahjub, 2023). Oleh itu, adalah penting untuk mengimplementasikan mekanisme pengesahan yang kukuh dan pengawasan rapi agar rakaman audio dan video yang digunakan dalam proses perbicaraan dapat memenuhi keperluan keadilan serta nilai etika dan moral dalam konteks syariah.

Cadangan Penambahbaikan

Melalui kewujudan pelbagai isu berkenaan penggunaan keterangan dokumen elektronik seperti rakaman video dan audio di Mahkamah Syariah, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dicadangkan bagi memperkukuhkan aspek pengurusan di Mahkamah agar lebih telus dan adil. Pertama, penggubalan garis panduan standard (Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah, Ahmad Syukran Baharuddin & Muzaffar Syah Mallow, 2024) yang jelas untuk penerimaan keterangan elektronik. Garis panduan ini perlu mengandungi prosedur yang terperinci dalam memastikan kesahihan dan ketulenan dokumen elektronik yang dikemukakan. Ianya termasuk penetapan piawaian teknikal untuk penyimpanan, pemprosesan, dan pengesahan dokumen sebelum dibawa ke peringkat perbicaraan di Mahkamah.

Selain itu, pendidikan dan latihan yang komprehensif perlu disediakan untuk para hakim, peguam dan pegawai mahkamah (Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah, Ahmad Syukran Baharuddin & Muzaffar Syah Mallow, 2024). Latihan komprehensif ini akan meningkatkan pengetahuan asas mereka dalam teknologi digital dan forensik yang diperlukan untuk memahami, menilai, dan mengendalikan keterangan elektronik dengan lebih cekap. Melalui pendidikan dan latihan yang dilaksanakan secara berterusan, para hakim, peguam dan pegawai mahkamah dapat meningkatkan kemahiran dalam mengenal pasti sebarang pengubahsuaian, suntingan atau penipuan pada dokumen elektronik yang dikemukakan.

Di samping itu, penggunaan teknologi forensik dalam memeriksa kesahihan keterangan elektronik harus diperkukuhkan. Pakar teknologi forensik perlu sentiasa dilibatkan bagi mengesahkan integriti dan kesahihan dokumen elektronik yang diterima oleh mahkamah. Penubuhan badan pakar bebas yang bertugas untuk menjalankan audit ke atas dokumen elektronik yang dikemukakan dapat membantu meningkatkan kredibiliti dan integriti proses perundangan, sekaligus memastikan keadilan dalam prosiding yang melibatkan keterangan elektronik (Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah, Ahmad Syukran Baharuddin & Muzaffar Syah Mallow, 2024). Tambahan pula, penulis mencadangkan agar pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dapat menubuhkan sebuah jawatankuasa penasihat forensik digital syariah. Ia bertujuan untuk membantu mahkamah dalam menentukan ketulenan dan kebolehpercayaan keterangan elektronik termasuk rakaman audio dan video serta membangunkan garis panduan bagi penerimaan bentuk bukti sebegini. Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, Mahkamah Syariah Malaysia dapat meningkatkan kecekapan dalam menguruskan keterangan elektronik dan seterusnya mengekalkan integriti serta keadilan dalam sistem perundangan negara.

Kesimpulan

Penggunaan rakaman audio dan video sebagai keterangan di Mahkamah Malaysia, sama ada di Mahkamah Syariah mahupun Sivil, telah menjadi elemen penting dalam meningkatkan keadilan dan ketelusan sistem perundangan. Namun, penerimaannya tidak terlepas daripada cabaran, terutama dalam memastikan ketulenan, kebolehpercayaan, dan kebolehcapaian keterangan rakaman audio dan video. Dari sudut positif, rakaman audio dan video melicinkan proses pembuktian dengan memberikan gambaran visual atau auditori yang jelas, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap keterangan lisan yang mungkin subjektif. Di Mahkamah Sivil, penerimaan keterangan rakaman audio dan video lebih fleksibel berbanding Mahkamah Syariah yang memerlukan pematuhan ketat terhadap prinsip syarak. Perbezaan ini mencerminkan keperluan untuk menyeimbangkan kemajuan teknologi dengan nilai-nilai agama dalam sistem kehakiman. Namun, isu seperti risiko pemalsuan digital, kekurangan pakar forensik, dan kebimbangan privasi tetap menjadi halangan utama. Implikasi negatif seperti manipulasi AI atau *deepfake* juga menuntut kawalan yang lebih ketat. Oleh itu, cadangan penambahbaikan seperti penyediaan garis panduan standard, latihan khusus untuk hakim dan pegawai mahkamah, serta kerjasama dengan pakar forensik digital perlu dilaksanakan bagi memastikan integriti dan ketelusan bukti elektronik. Tuntasnya, rakaman audio dan video merupakan alat pembuktian yang berpotensi besar untuk memperkasakan sistem kehakiman Malaysia, selagi mana penggunaannya diiringi dengan mekanisme pengesahan yang kukuh dan kesedaran terhadap batasan etika serta perundangan. Dengan langkah-langkah proaktif, kedua-dua Mahkamah Syariah dan Sivil dapat mengoptimumkan manfaat teknologi sambil mengekalkan prinsip keadilan dan kesaksamaan yang menjadi teras sistem perundangan negara.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM melalui program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP).

Rujukan

Al-Qur'ān al-Karīm.

Abdelrahman Mohamed, W. M. (2022). *Qadāyā mu'āṣirah fī al-ḥudūd wa al-jināyāt [Contemporary issues in ḥudūd and criminal offences]*. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Ahmad Azam Mohd Shariff. (2009). Jenayah moral dan kesusilaan di bawah undang-undang jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian kes melalui qarinah rakaman foto dan video elektronik. *Makalah Undang-undang*, 3/2009. Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akta Keterangan 1950.

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Al-Amīr, M. I. I. Ş. M. al-Ḥasanī. (2011). *Al-tanwīr sharḥ al-jāmi' al-ṣaghīr* (Vol. 2, p. 64; M. I. M. Ibrāhīm, Ed.). Dār al-Salām.

Alias, A. (2023, June). Pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam perundangan syariah di Malaysia. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. <https://jmm.uis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/142/114>

- Alias, A. A., Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, & Muzaffar Syah Mallow. (2024). Wasā'il ithbāt dalam undang-undang keterangan Islam: Analisis perundangan terhadap keabsahan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 689–700. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no3.792>
- Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, & Mohd Abu Hassan. (2021). Kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis permasalahan dan penyelesaiannya. In *Proceedings of the International Conference on Syariah & Law 2021* (pp. 704–709).
- Che Musa, C. H. (2012). Etika kewartawanan Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 25, 1–2.
- Elmahjub, E. (2023). Artificial intelligence (AI) in Islamic ethics: Towards pluralist ethical benchmarking for AI. *Philosophy & Technology*, 36, 73. <https://doi.org/10.1007/s13347-023-00668-x>
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. (2002). *I'lām al-muwaqqi'īn 'an rabb al-'ālamīn*. Dār Ibn al-Jawzī.
- Ismail Ariffin, Ghulam Ismail, & Adila. (2024). Understanding electronic evidence in Malaysian court. In *Understanding electronic evidence in Malaysian court*. <https://www.sarbica.org.my/images/sarbica-2024-papers/no-6-understanding-electronic-evidence-in-malaysia-court.pdf>
- Jamā'ah min 'Ulamā' al-Tafsīr. (2015). *Al-mukhtaṣar fī tafsīr al-Qur'ān al-karīm*. Markaz Tafsīr li al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah.
- Mahmud Saedon. (1990). *Undang-undang keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustapa Sa'di, M., & Kamarudin, A. R. (2020). *The position of electronic evidence under Islamic law and Malaysian law of evidence* (Doctoral dissertation). International Islamic University Malaysia. <https://studentrepo.iium.edu.my/server/api/core/bitstreams/8a8a11ef-b74d-456f-b4c5-86a7e0bd2b1b/content>
- Suhaizad Saifuddin, Fatimah Yusro Hashim, Mohd Zamre Mohd Zahir, & Asma Hakimah Ab Halim. (2025). Challenges in the enforcement of Syariah criminal law on social media in Malaysia: A review from the perspective of Syariah evidence law. *Journal of Advanced Research Design*, 145(1), 42–54. <https://akademiabaru.com/submit/index.php/ard/article/view/6782>
- Suhaizad Saifuddin, Hashim, F. Y., Mohd Zahir, M. Z., & Ab Halim, A. H. (2025). Enforcement of Sharia criminal offences in cyberspace: Challenges from Malaysian legal perspective. *Prophetic Law Review*, 7(1), 25–46. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol7.iss1.art2>
- Suhaizad Saifuddin. (2025). Darjah pembuktian bagi pensabitan kes: Analisis perbandingan menurut perspektif Islam dan sistem perundangan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(3), 29–47.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom, & Mohd Munzil Muhamad. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1–34. <https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Munzil-Muhamad/publication/330104907>
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2016). *Penerimaan dan kekuatan dokumen elektronik dalam pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia* (Master's thesis). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Nurul Syazwani Kahar, & Mohamad Aniq Alias. (2023). Keperluan prosedur operasi standard dalam

penerimaan dokumen digital di Mahkamah Sivil Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 365–390. <https://doi.org/10.32890/uumjls2023.14.1.14>

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2018). Pembuktian melalui televisyen/kamera litar tertutup (CCTV) dalam kes-kes jenayah: Tinjauan umum berdasarkan undang-undang keterangan Islam. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(1), 87–103. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol6no1.101>

Zabidi, A. N., & Mohd Yusof, Z. A. (2023). Legal validity of AI evidence in criminal cases within Shariah court of Malaysia. *SALAM Digest*, 1(1), 81–91. <https://salam.usim.edu.my/index.php/salamdigest/article/view/145>

Zulkifli Hasan. (2011, April 8). *Memahami undang-undang keterangan Islam*. Shari'ah, Law, Islamic Finance and Muslim News. <https://zulkiflihasan.wordpress.com/2011/04/08/>